

→ PENGANGKUTAN

50 TAHUN KEPAKARAN PENGANGKUTAN AWAM

Shinkansen Jepun selamat, efisien

BH
ms 16
31517



S: Apakah faedah kepada Malaysia melalui kerjasama HSR dengan Jepun?

J: Jepun mempunyai sejarah panjang dalam bidang perjalanan kereta api berkelajuan tinggi dengan rekod cemerlang untuk keselamatan kelajuan. Kereta api laju Shinkansen di Jepun mengaplikasikan pelbagai teknologi maju.

Ini bukan sahaja membolehkannya mencapai kelajuan tinggi serta standard keselamatan dan keselesaan yang tinggi. Sepanjang 50 tahun sejarahnya membawa lebih 10 bilion penumpang, tidak ada sebarang kematian penumpang mahupun kemalangan akibat gelinciran atau perlanggaran, walaupun dilanda kekerapan gempa bumi dan taufan.

Jepun menjadi perintis kereta api berkelajuan tinggi (HSR) sejak 1964 sedia berkongsi teknologi dengan Malaysia. Ikuti temu bual BH bersama **Menteri Tanah, Infrastruktur, Pengangkutan dan Pelancongan Jepun, Keiichi Ishii**, mengenai manfaat projek yang bakal dilaksanakan di negara ini.

Memperkenalkan teknologi Shinkansen melalui projek kereta api laju Malaysia-Singapura adalah sebahagian daripada inisiatif besar ini. Sudah pasti, ia pasti akan memberi sumbangan besar kepada kemajuan ekonomi Malaysia.

Banyak aspek yang boleh diterokai kedua-dua negara untuk menggalakkan kerjasama dalam membawa teknologi kereta api berkelajuan tinggi ini ke Malaysia.

Sebaik Kerajaan Malaysia mem-

serta penghantaran pakar dari Jepun ke Malaysia. Selain itu, Jepun juga akan memberi bantuan teknikal, termasuk menyediakan latihan jangka pendek dan jangka panjang kepada kumpulan teknikal Malaysia dan perkongsian ilmu mengenai rangka kerja kawal selia pengawal selia kereta api Jepun.

S: Selain kerjasama dengan syarikat tempatan, boleh anda terangkan lebih lanjut bagai-

Apabila Jepun membantu negara lain dalam membina beberapa infrastruktur utama mereka, kami berbuat demikian melalui konsortium. Oleh itu, kedua-dua syarikat Jepun serta tempatan akan terbabit dalam sepanjang proses keseluruhan menyiapkan projek, bermula dari penghasilan konsep sehingga penghantaran kereta api berkelajuan tinggi serta operasi berikutnya.

S: Antara kelebihan ditawarkan

Kami tahu bahawa lokalisasi teknologi adalah amat penting untuk pemindahan teknologi yang lebih cekap dan berkesan. Oleh itu, kita membuka pelbagai kaedah untuk membentuk kerjasama dengan syarikat tempatan untuk disesuaikan dengan keadaan tempatan.

Kami berharap membentuk perkongsian jangka panjang pada masa depan dengan syarikat tempatan untuk menyokong industri kereta api di negara ini dalam pembinaan landasan kereta api, pembuatan gerabak dan koc, sistem isyarat dan berkongsi pengetahuan kami dalam membangunkan bandar di sepanjang laluan.

Kami tidak hanya mahu Malaysia mahir dalam mengendalikan HSR sendiri sedari awal tetapi juga mewujudkan kerjasama yang baik untuk membantu rakan

Disebabkan iniliah, Malaysia akan mendapat manfaat daripadanya dan mampu memulakan proses pembelajaran yang lama terhadap pembangunan teknologi Shinkansen seperti yang Jepun lalui selama ini.

Kereta api berkelajuan tinggi terbukti akan membawa manfaat yang besar kepada perniagaan dan ekonomi sesebuah negara. Sebagai contoh di Jepun, penjimatan masa yang dianggarkan sebanyak 400 juta jam sahaja memiliki impak terhadap ekonomi sebanyak ¥500 bilion (AS\$4.48 bilion) setahun.

Contoh lain ialah pertumbuhan ekonomi di bandar kecil dan wilayah yang mana keadaan ekonominya kurang diberi perhatian di sepanjang laluan HSR kemudian mengalami pembangunan lebih pesat apabila perkhidmatan kereta api berkelajuan tinggi menggunakan laluan itu.

Bagi Malaysia, saya optimis bahawa membangunkan infrastruktur yang berkualiti tinggi adalah fokus utama dalam memasuki dekad mendatang.

S: Anda berbicara mengenai kerjasama dengan syarikat tempatan – dalam bidang manakah syarikat ini berupaya untuk dilantik secara bersama dalam proses ini?

J: Jepun memandang tinggi perkara ini, dan sebenarnya sudah merintis ke arah inisiatif membangunkan infrastruktur berkualiti tinggi di rantau ASEAN.

buat keputusan mengenai jenis teknologi yang bakal dilaksanakan untuk membina projek kereta api berkelajuan tinggi pertama di negara ini, Malaysia perlu melatih jurutera kereta api tempatan kerana teknologi kereta api HSR adalah bidang yang baharu.

Sudah tentu, Jepun akan membantu melatih jurutera Malaysia agar mereka dapat mengendalikan operasi HSR. Ini akan membuka bidang kepakaran baharu di Malaysia.

Jepun akan melatih rakyat Malaysia dalam perkhidmatan kereta api termasuk pembinaan kapasiti, perkongsian amalan terbaik serta bidang kerjasama lain dan akan diteruskan di pelbagai peringkat yang berbeza dan melalui pelbagai forum.

Ini termasuk kerjasama antara universiti dan institusi penyelidikan, latihan amali yang akan dijalankan di Jepun



Menteri Tanah, Infrastruktur, Pengangkutan dan Pelancongan Jepun, Keiichi Ishii.

Manakah ini yang boleh dicapai?
J: Mengendalikan operasi Shinkansen adalah satu tugas yang amat besar. Selain keperluan teknologi, Jepun juga berkongsi kepakaran dalam pembangunan modal insan dan pengurusan dari segi perancangan, reka bentuk, pemasaran, kejuruteraan, penyelenggaraan serta penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Kami juga akan menyediakan sistem latihan yang komprehensif untuk membangunkan pemimpin dan pakar, termasuk jurutera, pengurus tapak dan lain-lain. Pemindahan teknikal juga sama penting dan ini akan mewujudkan satu set kemahiran baharu bagi keseluruhan segmen pekerja.

Jepun telah lama berkongsi kepakaran dan pengetahuan dalam HSR ke seluruh dunia dan amat komited berkongsi pengetahuan serta pemindahan teknologi dalam perkongsian dengan pelbagai negara dengan membantu membina infrastruktur mereka.

S: Antara kelebihan ditawarkan Jepun kepada Malaysia bagi projek HSR ini ialah teknologi yang bakal diperkenalkan. Boleh anda terangkan teknologi yang akan dibawa Jepun?

J: Jepun akan menawarkan lebih daripada sekadar mengeksport perkakasan HSR. Pemindahan teknologi dan pengetahuan teknikal akan menjadi bidang utama yang memberi manfaat besar kepada Malaysia.

HSR bukanlah segmen ekonomi untuk semua negara di dunia. Malah, ia masih agak eksklusif dan oleh itu Malaysia akan menjadi sebahagian daripada sekumpulan kecil negara dengan teknologi dan pengetahuan teknikal ini. Ini akan membolehkan ia menjadi pemimpin dalam bidang ini.

Jepun komited menyumbang kepada pembangunan negara rakan kongsi dengan perkongsian pengetahuan dan kepakaran kami.

S: Perdana Menteri Jepun, Shinzo Abe sendiri mempromosikan teknologi Shinkansen Jepun. Bagaimanapun, berapa banyakkah teknologi ini yang boleh ketengahkan untuk pembuatan tempatan?

J: Perdana Menteri Jepun sendiri mempromosikan teknologi Shinkansen Jepun dan menyatakan kesediaan bekerjasama dengan rakan kongsi tempatan untuk memastikan kejayaan pelaksanaan antara projek infrastruktur terhebat di Asia Tenggara.

baik untuk membantu rakan kongsi kami berjaya. Kami mahu projek HSR ini bukan sahaja sebagai simbol kerjasama hebat antara Jepun dan Malaysia, tetapi juga transformasi ekonomi dengan perhubungan antara dua bandar raya.

S: Bolehkah anda memberi contoh pengalaman Jepun dalam mengeksport teknologi Shinkansen? Adakah ianya membantu merangsang pertumbuhan di negara itu?

J: Pengalaman Jepun dalam mengeksport teknologi Shinkansen ke negara jiran yang telah lama mengakui keunggulan Shinkansen, contohnya Taiwan ialah eksport konsortium Shinkansen pertama yang berjaya.

Kejayannya banyak mengubah landskap Taiwan sehingga menjadi simbol kejayaan hubungan antara Taiwan dan Jepun. Jepun bukan sahaja mengeksport perkakasan tetapi juga menubuhkan latihan dan menyediakan panduan terperinci dalam pengetahuan.

Selain Taiwan, Jepun juga dijemput untuk berkongsi teknologi dan kepakaran dengan United Kingdom dan baru-baru ini, India. Sistem kereta api Jepun juga berkembang ke Amerika Syarikat.

Jepun berpuas hati dengan kepercayaan diberikan dan berharap bekerjasama rapat dengan rakan di Asia dalam usaha mereka bergerak ke arah pertumbuhan dan pembangunan ekonomi lebih besar.